

# Upah RM500 seludup daun ketum naik bot

Sinar Ahad 29/5/2022 ms:13

Ketum disembunyikan dalam petak bot yang diubah suai

Oleh MUHAMMAD AFHAM RAMLI

SHAH ALAM



EKSKLUSIF

Maritim Malaysia merampas daun ketum bernilai RM3.75 juta di perairan Kedah dan Perlis pada tahun ini.

Bergerak pada waktu malam dengan menggunakan bot berkuasa tinggi. Itu taktik penyeludup daun ketum yang dibayar upah serendah RM500 bagi menggunakan jalan laut untuk ke negara jiran.

Jumlah bayaran itu juga bergantung kepada muatan yang dibawa dan berapa banyak penghantaran dibuat.

Mendedahkan modus operandi sindiket, Pengarah Maritim Negeri Kedah/Perlis, Laksamana Pertama Maritim Romli Mustafa berkata, dalam kebanyakan kes, *transpoter* akan dibayar RM500 hingga RM1,000 berdasarkan kuantiti daun ketum yang diseludup.

Menurutnya, modus operandi penyeludup telah berubah, dengan kuantiti penghantaran ke negara jiran melebihi satu hingga lima tan daun ketum untuk setiap kali penghantaran.

Jelasnya, penyusutan nilai harga

daun ketum di Thailand iaitu RM30 sekilogram berbanding RM180 sebelum ini merugikan kepada aktiviti penyeludupan jika mereka melakukan aktiviti ini dalam kuantiti sedikit.

"Aktiviti penyeludupan ini dikesan dilakukan pada lewat malam hingga awal pagi dengan menggunakan bot nelayan kelas A dan bot fiber dengan enjin berkuasa 100Hp ke atas.

"Bagi mengaburi mata pihak berkuasa, mereka akan menyembunyikan daun ketum di dalam petak bot yang telah lengkap diubah suai dengan sistem pengudaraan baik bagi mengekalkan kesegaran daun ketum ketika penghantaran.

"Selain itu, pembekal daun ketum

jugalah memainkan peranan dalam kegiatan penyeludupan, antaranya dengan pembukaan ladang ketum secara haram di Kuala Nerang, Kedah hingga menggalakkan kegiatan jenayah rentas sempadan ini," katanya

kepada Sinar Ahad.

Mengulas lanjut, Romli berkata, Agensi Pengawas Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) turut mengenal pasti lima *hotspot* di Kedah dan Perlis yang menjadi laluan keluar masuk penyeludup daun ketum.

Katanya, lokasi terbabit ialah Kuala Sanglang (Kedah/Perlis), Kuala Jerlun (Kedah), Kuala Kerpan (Kedah), Kuala Kedah (Kedah) dan Kuala Sala (Kedah).

